

Penyu tersangkut di penghadang sampah diselamatkan



Penyu karah dilepaskan semula ke laut selepas diselamatkan.

PORT DICKSON – Seekor penyu karah yang tersangkut di penghadang sampah Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar di sini berjaya diselamatkan pasukan bomba dan penyelamat semalam.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Port Dickson, S Maniam berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 11.46 pagi dan tiba di lokasi tiga minit kemudian.

Menurutnya, seramai tujuh anggota termasuk seorang pegawai bergegas ke lokasi kejadian bagi menjalankan operasi menyelamat, khidmat khas menyelamatkan penyu

yang tersangkut di besi penghadang sampah.

“Sebaik sampai ke lokasi kita mendapati ada seekor penyu dengan berat 150 kilogram telah tersangkut di penghadang sampah saluran keluar masuk air stesen janakuasa ini.

“Operasi menyelamat menggunakan peralatan tali, *full body harness* dan beg plastik bagi mengangkat penyu tersebut,” katanya.

Katanya, operasi menyelamat dan membawa keluar penyu tersebut tamat pada jam 1.33 tengah hari.

“Penyu tersebut kemudiannya dilepaskan semula ke laut dalam keadaan selamat,” katanya.